



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Malaysia)

Tel : 03-6251 0621 / 6251 0623
Faks : 03-6251 1060 / 6258 2946 / 6257 2414 (direct SUA)
E-mel : mail@nutp.org / nutphq@gmail.com
Laman Web : http://www.nutp.org

Presiden
Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung
Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

Kepada : Semua Sidang Pengarang/Bilik Berita

Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung NUTP

No. H/p : 012-6358065

Tarikh : 14 Februari 2018

NUTP MENYOKONG KENYATAAN TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN

Pihak NUTP menyokong kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan berkenaan kejadian tragis yang menimpa pelajar di Gemas, Negeri Sembilan. Segala aktiviti/ kerja pemotongan rumput mesti diharamkan semasa murid/ pelajar menjalani aktiviti/ latihan di kawasan padang atau dimana-mana kawasan di sekolah/ institusi pendidikan. Inilah faktor betapa pentingnya isu **Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)** di sekolah bagi mengelakkan kemalangan yang berlaku yang disebabkan kurangnya kesedaran terhadap **Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)** oleh pihak yang terlibat yang seharusnya berpandukan kepada **Buku Panduan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah dibawah (Seksyen 15, 16, 17 atau 18, AKKP 1994).**

Pihak NUTP menyeru pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melihat KKP daripada semua aspek di sekolah untuk memastikan sekolah adalah kawasan selamat untuk murid/ pelajar dan guru seperti di kawasan makmal, bengkel, padang sekolah, bilik darjah, kantin, tandas, asrama, bumbung/ lantai reput serta keselamatan pendawaian dan peralatan elektrik dimana guru yang tiada kemahiran diarahkan membaiki kerosakan peralatan di sekolah. Begitu juga beberapa kes kemalangan di sekolah yang mengancam keselamatan murid/ pelajar dan guru yang terjadi sebelum ini seperti pagar koridor reput dan penutup longkang yang tidak diselenggara dengan baik.

Sekian, terima kasih.


HARRY TAN HUAT HOCK, PJK
SETIAUSAHA AGUNG NUTP

13 & 15, JALAN MURAI DUA, KOMPLEKS BATU, OFF JALAN SULTAN AZLAN SHAH (JALAN IPOH), 51200 KUALA LUMPUR.

(Sila catatkan rujukan KPPK apabila berhubung)

" Bersatu Kita Berjaya "